



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI**

**PROJEK FILEM PENDEK
BABAK TERAKHIR:
PENDEKATAN GENRE
*PSYCHOLOGICAL THRILLER***

**NUR MAISARAH BINTI RAMLAN
2011797409**

**SARJANA MUDA
TEKNOLOGI KREATIF (KEPUJIAN)
SKRIN**

SEPTEMBER 2014

BAB SATU

PENDAHULUAN

Pengenalan

Genre diperkenalkan kepada aliran sinema dunia dan dilihat sebagai satu cara untuk mengklasifikasikan sesebuah filem mengikut jenis cerita. Bordwell dan Thompson (2010), menjelaskan ciri-ciri yang terdapat didalam sesebuah genre dibahagikan mengikut kategori yang berbeza. Ia termasuk dengan plot penceritaan dan struktur menerusi keadaan yang boleh diramal, konflik, dan penyelesaian cerita. Terdapat beberapa jenis genre filem dan diantaranya adalah genre *Thriller*. Genre ini turut dipecahkan kepada beberapa pecahan seperti *Psychological Thriller*, *Crime Thriller*, *Police Procedural*, *Mystery Thriller*, *Suspense*, dan *Action Thriller*.

Melalui kajian ini, penulis menggunakan genre *psychological thriller* untuk diterapkan kedalam filem pendek yang akan dihasilkan. Prince (2007) mengatakan bahawa *psychological thriller* merupakan genre yang mempunyai ciri dan tumpuan terhadap perkara misteri juga berkait rapat dengan drama fiksyen yang berunsurkan elemen seram dan ngeri. Beliau turut berpendapat mengenai genre ini turut mencipta watak yang bergantung pada sumber mental mereka sama ada mengalami kecelaruan personaliti ataupun ketidak seimbangan pemikiran watak itu sendiri. Elemen berkaitan perwatakan turut berdasarkan ciri-ciri tingkah laku, peribadi, matlamat dan motivasi sesuatu watak.

Beberapa filem seperti *Pintu Terlarang* (2009) arahan Joko Anwar dan *Black Swan* (2010) arahan Darren Aronofsky, dijadikan sebagai rujukan untuk kajian ini kerana kedua-dua filem ini mempunyai tarikan tersendiri menerusi watak dan perwatakan serta jalan penceritaan yang menepati genre tersebut.

Gila, acap kali kita dengar akan perkataan ini yang ditujukan pada mereka yang mengalami penyakit mental atau gangguan jiwa. Bahkan perkataan ‘orang gila’ ini menjadi satu tanggapan yang negatif dan sedikit sebanyak boleh menjatuhkan semangat mereka jika pesakit pada berada pada proses pemulihan. Sekaligus tahap baik pulih pesakit boleh merundum kerana tidak mendapat sokongan dari persekitaran sekelilingnya. Baxter (2013), bersetuju bahawa perkataan gila ini merujuk kepada ungkapan yang sama sekali tidak sesuai digunakan untuk pesakit-pesakit mental, ini kerana ianya umpama memberikan gambaran seseorang itu sebagai seorang yang ganas dan merbahaya. Sebagai seorang manusia, seharusnya perlu sedar akan setiap norma yang berlaku dalam kehidupan masing-masing dimana dalam diri kita wujudnya personaliti yang berbeza. Setiap kali kita melihat seseorang individu tertentu pasti akan terbit satu perasaan dimana kita akan mengagumi atau memperlekehkan personaliti seseorang itu, seperti memuji personaliti seseorang atau memperkatakan mengenai hal-hal negatif tentang inividu tersebut.

Menurut Fariza Md Sham (2005), individu yang mengalami tekanan emosi yang tinggi akan menunjukkan gejala-gejala yang negatif seperti bertindak agresif, kemarahan yang tidak terkawal, kemurungan, mudah memberontak dan perlu diberi ketekanan adalah mereka yang mengambil keputusan untuk membunuh diri bahkan boleh menyakiti dan mencederakan orang lain.

Skizofernia merupakan salah satu penyakit mental yang sangat serius dan memberi kesan negatif dan positif yang berpanjangan terhadap individu dan keluarga yang terbabit. Wiwik Setiyani (2011), mengemukakan mengenai definisi skizofernia iaitu pemikiran dan emosi jiwa yang pecah atau terbelah yang berasal dari bahasa Yunani iaitu *schitos* dan *phren* yang menekankan pada perilaku, pemikiran dan perasaan. Penyakit ini umumnya lebih dikenali sebagai penyakit gangguan jiwa atau kerosakan otak yang seterusnya mengakibatkan seseorang individu itu mengalami

perubahan tingkah laku dan gangguan pemikiran serta emosi. Penyakit ini mempunyai gejala positif yang merujuk kepada halusinasi dan delusi manakala dari aspek gejala negatif ianya berkait dengan pemikiran tidak teratur, emosi yang tidak terkawal dan boleh membawa kepada tahap kemurungan yang serius dan kenyataan ini disokong oleh Pervin (2003). Selain itu, penyakit ini bukan sahaja mempengaruhi emosi dan mental individu tersebut, bahkan ianya turut menjejaskan personaliti seseorang itu dan seterusnya mengubah perilaku individu tersebut kepada yang berlainan dengan sikap yang sebetulnya. Namun begitu, masyarakat lebih cenderung kepada perkataan gila yang dilemparkan kepada seseorang individu yang mengalami masalah jiwa ini.

Menurut Shahabuddin Hashim dan Dr. Rohizani Yaakub (2007), seseorang individu itu dipengaruhi oleh keadaan dan peristiwa yang telah berlaku dan juga perkara yang bakal berlaku pada masa hadapan sebagai contoh personaliti seseorang itu bukan sahaja diketahui atau di kesan pada awal peringkat kanak-kanak lagi bahkan ianya turut menjadi ramalan kejadian pada masa hadapan. Juga dari sudut psikologi personaliti, Ma'ruf Redzuan dan Haslinda Abdullah (2004), mengemukakan bahawa Personaliti merupakan keseluruhan cara bertindak, berfikir dan merasa yang tipikal bagi seseorang. Juga yang menjadikan seseorang itu berbeza dengan semua individu yang lain selain ia turut dipengaruhi oleh tiga faktor iaitu warisan, pengalaman dan budaya. Mereka juga percaya pada umumnya dari pendidikan biologi, kehidupan manusia bermula dari saat dilahirkan dan seterusnya menerusi pembesaran mereka akan dipengaruhi oleh baka ibu bapa, malahan faktor persekitaran juga turut mempengaruhi personaliti kehidupan seseorang manusia. Kita dapat lihat penekanan personaliti ini berbeza-beza malahan ianya adalah sesuatu yang unik kerana cara kita berfikir, bertindak dan merasa menyebabkan kita berbeza antara satu sama lain.

Sinopsis

Projek filem pendek *Babak Terakhir* mengisahkan mengenai seorang lelaki bernama Adam mengalami perkara misteri apabila ditugaskan untuk menghasilkan sebuah skrip. Adam tinggal bersama teman serumah bernama Malik dan turut mempunyai teman wanita bernama Hawa. Konflik terjadi apabila Adam mengetahui bahawa dirinya dipergunakan selain turut mengetahui bahawa Hawa curang di belakangnya bersama dengan teman serumahnya sendiri Malik. Adam tertekan dengan keadaan tersebut mengambil keputusan untuk membunuh Hawa dan Malik. Penyelesaian jalan cerita ini sebenarnya Adam adalah seorang penyakit mental yang tinggal di wad pesakit mental. Adam mempunyai sejarah masa lampau yang teruk apabila dia sering menjadi mangsa deraan fizikal dan seksual oleh ibu dan bapanya. Ibu Adam sering dipukul oleh ayahnya dan akibat tertekan kerana sering menjadi mangsa suaminya, ibu Adam meluahkan rasa marahnya kepada Adam dengan cara menyeksa Adam. Terkesan dengan keadaan itu Adam mengalami tekanan jiwa dan dia sering mendengar bisikan supaya membunuh ibu dan bapanya. Akibat tidak tahan dengan sikap kedua ibu bapanya, Adam mengambil keputusan membunuh ibu bapanya.

Latar Belakang Kajian

Genre adalah perkataan yang berasal dari Perancis atau yang bermaksud jenis, namun jika menerusi bahasa Inggeris, perkataan tersebut disesuaikan sebagai pecahan jenis filem di dalam sebuah kumpulan (Schatz, 1981). Projek akhir filem pendek ini, penulis menggunakan genre *psychological thriller* sebagai peranan utama di dalam naratif filem pendek. Bukan sahaja menggunakan genre sebagai kajian, bahkan penulis turut menggunakan perwatakan sebagai subjek utama untuk memenuhi kriteria yang diperlukan didalam sesebuah genre filem *psychological thriller*.